

Tahniah kepada Pemenang Pingat di bawah ASEAN Victory Project dalam  
**SUKAN SEA KE-32 2023**



**AJINOMOTO** (Malaysia) Berhad (AMB) menzahirkan ucapan tahniah dan syabas kepada tiga atlet negara yang telah mengharumkan nama Malaysia pada temasya Sukan SEA ke-32 di Kemboja baru-baru ini.

Sempena meraikan kejayaan mereka, AMB menganjurkan majlis penghargaan di Kilang AMB, Bandar Enstek pada 1 Jun lalu. Ketiga-tiga atlet di bawah ASEAN Victory Project ialah Andre Anura Anuar yang membawa pulang pingat emas bagi acara lompat kijang manakala pelembar cakera, Queenie Ting Kung Ni dan atlet lompat galah, Nor Sarah Adi masing-masing berjaya membawa pulang pingat perak.

Terdahulu, ketiga-tiga atlet terbabit telah mengambil bahagian dalam Program Pemakanan Sukan Winning Meals Kachimeshi di bawah ASEAN Victory Project. Mereka telah diberi pendedahan mengenai pemakanan sukan dan menerima makanan seimbang bagi memenuhi keperluan latihan dan sasaran mereka di temasya Sukan SEA ke-32, Kemboja yang berlangsung pada 5 hingga 17 Mei lalu.

Malah, ketiga-tiga atlet terbabit akui bahawa program nutrisi sukan Winning Meals Kachimeshi telah membantu mereka mencapai potensi dan prestasi luar biasa bagi membolehkan mereka meraih

keputusan cemerlang pada edisi Sukan SEA kali ini.

Pengarah Urusan AMB, Tomoharu Abe berkata, pihaknya berharap Program Winning Meals Kachimeshi akan dapat terus memberi sokongan dan manfaat kepada seluruh rakyat Malaysia.

"Program Winning Meals Kachimeshi ini juga diharapkan dapat memupuk amalan 'Pemakanan Sihat, Hidup aktif' dalam kalangan atlet dan individu yang aktif bersukan," katanya ketika Majlis Penghargaan Pemenang Pingat di bawah ASEAN Victory Project dalam Sukan SEA ke-32 di Kilang AMB, Bandar Enstek baru-baru ini.

Penglibatan AMB dalam pemakanan nutrisi sukan bermula sejak tahun 2019 melalui kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia dalam 'Projek Kesedaran Pemakanan Sukan'. Projek ini merupakan inisiatif Penciptaan Nilai Bersama oleh Kumpulan Ajinomoto (ASV) yang bertujuan untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran terhadap kepentingan nutrisi sukan dalam kalangan pelajar atlet. Projek tersebut masih diteruskan dan kini melibatkan tiga buah sekolah sukan yang terkenal iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil, Sekolah Sukan Malaysia Pahang dan Sekolah Sukan Malaysia Sabah.

# Media : Berita Harian

Date : 1 June 2023

## Andre sasar pecah rekod peribadi

Oleh Mohd Amin Jalil - Jun 1, 2023 @ 8:00pm  
bhsukan@bh.com.my



Andre (tiga dari kanan) bersama Queenie (dua kanan), Nor Sarah (empat kanan) bergambar bersama Pengarah Urusan AMB, Tomoharu Abe (lima dari kanan). Foto NSTP/Mohd Amin Jalil

NILAI: Selepas meraih pingat emas acara lompat kijang pada Sukan SEA ke-32 di Kemboja, Andre Anura Anuar menyasarkan untuk memecah catatan peribadi terbaik pada tiga kejohanan besar yang bakal disertainya tahun ini.

Ia membabitkan Kejohanan Trek dan Padang Asia (ATF) di Bangkok, Thailand, bulan depan disusuli Sukan Universiti Dunia dan Sukan Asia yang kedua-duanya dijadual bakal berlangsung di China (Julai dan September).

Atlet berusia 22 tahun berasal dari Sabah itu mahu memastikan catatan terbaik peribadinya 16.51 meter (m) yang dicatatkan pada Sukan SEA di Hanoi tahun lalu, mampu diperbaharui pada tiga kejohanan terbabit.

"Saya bersyukur kerana kecederaan yang dialami sebelum ini sudah pulih dan berharap prestasi terbaik dapat dicapai dalam tempoh dua bulan ini.

### DISYORKAN UNTUK ANDA

- 'Jangan syok sendiri'
- Queenie masih memburu catatan 55m
- Andre kekal fokus serampang dua mata di Kemboja
- Andre Anura kekal emas lompat kijang
- Cabaran besar atlet trek kembalikan kegemilangan
- Azeem ketua cabaran Sukan Asia
- Teka-teki KOM
- 'Nilai semula sasaran 10 emas'

"Harapan memang tinggi iaitu untuk memecahkan rekod peribadi 16.51m tetapi jika dapat kekalkan catatan itu ia sudah memadai kerana bakal berhadapan dengan pencabar lebih hebat di peringkat Asia," katanya.

Dia ditemui pada majlis ramah mesra dan meraikan kejayaan atlet Sukan SEA Kemboja bersama syarikat Ajinomoto (Malaysia) Berhad (AMB) di Pusat Hab Halal Bandar Enstek di sini, petang tadi.